



BILANGAN 4 / 2019

## BULETIN PERSATUAN KELUARGA HJ MOHD SAAID MUFTI

**31 DIS 2019**

Kepada semua ahli Persatuan Keluarga Hj.Mohd Saaid Mufti yang dihormati. Selamat Tahun Baru 2020 diucapkan kepada semua ahli-ahli keluarga Hj Mohd Saaid Mufti.

Assalamualaikum WBT.

Alhamdulillah kita sempat bertanya khabar sekali lagi dan berharap semua anak-cucu Allahyarham Hj. Mohd. Saaid Mufti sentiasa dirahmati Allah dan berada dalam keadaan sihat walafiat.

### 1. Perkahwinan

- 09.11.2019 Siti Sarah 'Aisyah binti Abdul Rahiml dengan Muhammad Izzudin bin Roslee – Keluarga Hj Mustaffa
- 09.11.2019 Siti Anis Sofia binti Abdul Rahim dengan Muhammad Hafizuddin bin Azmi – Keluarga Hj Mustaffa

### 2. Kelahiran

- 15.11.2019 Muhammad Uthman Affan bin Amran – Keluarga Hj Mansor

### 3. Kematian

Pada 18hb Jan 2020, dengan dukacitanya, kita telah kehilangan seorang ahli keluarga yang juga Presiden Persatuan Keluarga Hj Saaid Mufti, Tuan Hj Mohd Badruddin bin Othman (dari Keluarga Hjh Asma). Beliau yang pernah menjalani pembedahan pintas jantung pada bulan September 2019, telah didapati mengalami masalah buah pinggang baru-baru ini di mana beliau telah dimasukkan ke HDU, Hospital Shah Alam pada 9hb Jan 2020.

Seorang lagi ahli keluarga kita, Norazmi bin Nordin (dari Keluarga Hj Ahmad) juga telah pergi meninggalkan kita pada 18 Nov 2019.

Marilah kita bersama-sama berdoa memohon keampunan dan semoga roh mereka di tempatkan bersama-sama golongan beriman.

### 4. Anugerah Kecemerlangan

Pada 29 Oct 2019, ahli keluarga kita, Dr. Shahreza bin Md Sheriff (keluarga Hj. Abdul Hamid) dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah menerima anugerah Pengajaran (Kelompok Sains Gunaan) dari YB Perdana Menteri di Majlis Anugerah Akademik Negara ke-13 yang diadakan di Hotel Palace of Golden Horses.

Anugerah ini bertujuan memberi sanjungan dan pengiktirafan tertinggi pada para sarjana di Institut Pendidikan Tinggi Malaysia (IPT) yang telah memberi sumbangan dalam bidang pengajaran, penemuan ilmu, penerbitan ilmiah dan kreatif serta pemindahan dan pengembangan ilmu pada peringkat kebangsaan dan global serta bersifat multi-fungsional dan multi-organisasional. Persatuan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada beliau.

## **5. Anugerah Pingat**

Pada 25 Ogos 2019, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar (keluarga Hj. Omar) telah menerima pingat Darjah Gemilang Seri Mahkota Kedah Yang Amat Dihormati (DGMK) yang membawa gelaran Datuk Wira daripada Sultan Kedah sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah ke-77.

## **6. Mesyuarat Agung Tahunan**

Mesyuarat Agung Tahunan Keluarga Hj Saaid Mufti akan diadakan pada hari Sabtu, 7 Mac 2020 jam 9:00 pagi di Hotel Bustani, Jitra, Kedah.

### **Agenda Mesyuarat**

- Membaca notis mesyuarat
- Menerima dan mengesahkan minit mesyuarat agung yang diadakan pada 9 Mac 2019
- Perkara berbangkit
- Menerima dan meluluskan laporan tahunan 2019
- Menerima dan meluluskan penyata kewangan bagi tahun yang berakhir 31 Dis 2019.
- Melantik ahli-ahli jawatankuasa 2020/2021
- Memilih 2 orang juru-audit
- Membincangkan hal-hal lain. Notis bertulis hendaklah diberi kepada Setiausaha tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat agung diadakan.

Sarapan pagi dan makan tengahari disediakan. Diharap semua ahli-ahli dapat hadir ke mesyuarat ini.

## **7. Hadiah Murid Cemerlang**

Pada hari Raya ke-3 tahun ini, akan diadakan juga majlis penyampaian hadiah kepada murid cemerlang. Ini adalah untuk peperiksaan pada tahun 2018 dan 2019, dan mencapai keputusan seperti berikut:

UPSR	5A
PT3	9A
SPM	9A
STPM	4A

Diminta semua ahli keluarga memberi nama dan salinan keputusan peperiksaan kepada Setiausaha atau Bendahari.

### **Akhir Kata**

Akhir sekali selamat maju jaya dalam urusan mengemudi arah tuju Persatuan. Diharap semua ahli keluarga sama-sama berganding bahu dengan AJK demi memajukan Persatuan Keluarga Hj. Mohd. Saaid Mufti. Sebarang berita yang ingin disampaikan dalam buletin ini sila email kepada facebook Keluarga Hj. Saaid Mufti.



**HJ MOHD SAAID MUFTI**

**Fatimah**

Hj. Mahmud  
Hj. Muhammad  
Hj. Ahmad

**Rahmah**

Hjh. Sofiah  
Hjh. Fatimah  
Hj. Omar  
Hj. Abdul Hamid

**Hamidah**

Hj. Mustaffa  
Hj. Kassim  
Hassan  
Hjh. Siti Hajar  
Hjh. Mariam  
Hjh. Asma  
Hj. Mohd. Akib  
Hj. Hussein  
Hj. Mansor  
Hj. Nasir